



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
*MALAYSIAN SHIPPING NOTICE*

**NPM 59/2006**

**JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA**

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.  
Tel: 03-33467777 Fax: 03-3168 5289, 3167 2882 E-mail: kpgr@marine.gov.my  
<http://www.marine.gov.my>

---

Notis kepada pemilik-pemilik kapal, pengurus-pengurus dan pengendali kapal-kapal.  
*Notice to shipowners, managers and operators of ships.*

---

**a) "MALAYSIAN INTERNATIONAL SHIPPING REGISTRY"**

---

Berkuatkuasa pada 17 Ogos 2006, Pelabuhan Pendaftaran Labuan telah diisytiharkan sebagai Pelabuhan Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia sepertimana yang diperuntukan di bawah Bahagian IIC dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1998 **DAN** Pelabuhan Kota Kinabalu sebagai Pelabuhan Pendaftaran yang baru sepertimana yang diperuntukan di bawah seksyen 24, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

*With effect from 17<sup>th</sup> August 2006, the Labuan Port of Registry has been declared as the Port of Malaysia International Ship Registry as provided under Part IIC of the Merchant Shipping Act ( Amendments ) 1998 **AND** the Port of Kota Kinabalu as a new Port of Registry as provided under Section 24, of the Merchant Shipping Ordinance, 1952.*

2. Dengan pengisytiharan ini, Pelabuhan Labuan adalah di buka untuk pendaftaran kapal -kapal yang memenuhi syarat - syarat Bahagian IIC dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1998 dan tidak lagi menjadi Pelabuhan Pendaftaran bagi kapal - kapal yang berdaftar di bawah Bahagian IIA dalam Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952.

*2. With this declaration, the Port of Labuan is now open for registration of ships which qualifies the provisions of Part IIC of the Merchant Shipping Act ( Amendments )1998 and ceases to be a Port of Registry for ships registered under Part IIA of the Merchant Shipping Ordinance, 1952.*

3. Pemilik - pemilik, pengurus-pengurus dan pengendali kapal - kapal yang berdaftar di Pelabuhan Labuan adalah disaran untuk mengambil tindakan memindah pendaftaran kepada Pelabuhan Pendaftaran Malaysia pilihan anda dalam masa satu tahun daripada tarikh notis ini.

*3. Owners, managers and operators of ships that are currently registered under the Port of Labuan are urged to take appropriate actions to transfer the registry to other Malaysian Port of registry of your choice within one year from the date of this notice.*

4. Bagi memudahkan pemindahan tersebut, sila maklumkan Pelabuhan Pendaftaran pilihan anda kepada Pendaftar Kapal - Kapal Pelabuhan Labuan supaya maklumat

*4. To facilitate the transfer, kindly inform the Registrar of Ships for the Port of Labuan of your choice of Port of Registry so that relevant information and transcript of the*

pendaftaran dapat dipanjangkan kepada Pelabuhan Pendaftaran yang dicadangkan.

5. Pemilik - pemilik, pengurus - pengurus dan pengendali – pengendali hendaklah mengambil langkah untuk mengukir dan menandakan nama Pelabuhan Pendaftaran yang baru bagi melaksanakan pertukaran ini.

Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi :-

Pendaftar Kapal – Kapal Pelabuhan Labuan,  
[labuanmisr@marine.gov.my](mailto:labuanmisr@marine.gov.my)  
Tel : 087-413511  
Faks : 087-413515

*registration could be communicated to the next Port of Registry.*

*5. Owners, managers and operators shall undertake to carve and mark the name of the new Port of Registry to effect the change.*

*If there are any enquiries, please contact the following :-*

*Registrar of Ships Port of Labuan,  
[labuanmisr@marine.gov.my](mailto:labuanmisr@marine.gov.my)  
Tel : 087-413511  
Faks : 087-413515*

Pendaftar Besar Kapal-Kapal, Malaysia / *Registrar General Of Ships, Malaysia*  
Tarikh / Date : **1 Ogos 2006**